

Utusan 24/12/2020
m/s 3

Tarif elektrik kekal 39.45 sen kWj

KUALA LUMPUR: Tarif elektrik bagi tahun 2021 akan dikekalkan, selain pemberian rebat sebanyak dua sen kepada semua pengguna elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Perkara itu diumumkan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah (**gambar**) yang berkata, kadar tarif elektrik tahun 2021 kekal pada kadar 39.45 sen setiap kWj bagi tempoh satu Januari sehingga 30 Jun 2021.

“Rebat yang pertama kali dinikmati sejak Julai 2018 kini akan dinikmati oleh semua pengguna elektrik TNB tidak kira domestik dan bukan domestik.”



“Langkah ini diambil berikutan keputusan kerajaan melanjutkan tempoh regulatori TNB kedua di bawah mekanisme IBR hingga 30 Disember 2021,” katanya di sini semalam.

Tambahnya, kerajaan juga bersetuju melepaskan kos bahan api kepada semua pengguna elektrik TNB berikutan penurunan harga bahan api iaitu arang batu dan gas pada separuh tahun kedua 2020 selaras dengan pelaksanaan mekanisme ICPT bagi tempoh satu Januari hingga 30 Jun 2021.

“De-
ngan pem-

berian rebat sebanyak dua sen bagi kWj ini, seramai 7.5 juta pengguna domestik akan menikmati penurunan bil elektrik di antara 3.6 hingga 9.2 peratus.

“Pengguna komersial pula akan mengalami penurunan bil elektrik di antara 4.0 hingga 5.2 peratus serta bil elektrik bagi pengguna Industri juga akan menurun di antara 4.6 hingga 6.6 peratus,” katanya.

Menurutnya, keputusan itu dibuat kerajaan khususnya Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin setelah mengambil kira keadaan semasa.

“Kita berharap agar pemberian rebat ini akan membantu meringankan kos hidup rakyat dan kos perniagaan yang terkesan akibat pandemik Covid-19,” katanya.